

GARIS PANDUAN UNTUK MEMPERBADANKAN SYARIKAT TEMPATAN

Syarikat berhad dengan saham boleh diperbadankan sebagai syarikat persendirian (Sendirian Berhad atau Sdn. Bhd.) atau syarikat awam (Berhad atau Bhd.). Keperluan asas untuk memperbadankan syarikat ialah:

- i. Sekurang-kurangnya 2 pengasas
- ii. Sekurang-kurangnya dua orang pengarah; dan
- iii. Setiausaha syarikat yang terdiri daripada:
 - a. Ahli badan professional yang telah ditetapkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; atau
 - b. Individu yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Kedua-dua pengarah dan setiausaha syarikat mestilah mempunyai tempat bermastautin utama atau alamat kediaman hanya di Malaysia.

PROSEDUR PEMERBADANAN

1. Carian dan permohonan nama syarikat.

Carian nama syarikat mesti dibuat bagi menentukan sama ada nama yang dicadangkan boleh digunakan. Langkah-langkah yang perlu diambil ialah:

- i. Melengkapkan dan menyerahkan Borang 13A kepada SSM; dan
- ii. Bayaran sebanyak RM30.00 untuk setiap nama yang dipohon.

Sekiranya nama yang dicadangkan diluluskan oleh SSM, nama akan direzab selama 3 bulan dari tarikh kelulusan.

2. Menyerahsimpan dokumen pemerbadanan.

Dokumen pemerbadanan hendaklah diserahkan kepada SSM dalam masa 3 bulan dari tarikh kelulusan nama syarikat. Sekiranya gagal berbuat demikian, permohonan yang baru beserta bayaran mestilah dibuat.

Dokumen pemerbadanan yang diserahkan dengan SSM

i. Memorandum dan Artikel

- Salinan asal Memorandum dan Artikel mesti disetemkan RM100.00 setiap satu daripadanya. Setem boleh dimatikan di mana-mana pejabat setem Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Pengarah dan setiausaha syarikat pertama hendaklah dinamakan dalam Memorandum dan Artikel syarikat.
- Memorandum dan Artikel hendaklah ditandatangani oleh pengasas kepada syer syarikat di hadapan seorang saksi.
- Kandungan A Jadual Ke- Empat Akta Syarikat 1965 boleh diterimapakai sebagai artikel syarikat (Seksyen 30 Akta Syarikat 1965)

*NOTA

Untuk memperbadankan syarikat persendirian, Artikel syarikat mestilah mengandungi pernyataan-pernyataan berikut:

- a. Penghadan hak pindahmilik syer;
- b. Penghadan jumlah ahli tidak lebih daripada lima puluh;
- c. Larangan sebarang bentuk pelawaan awam untuk memohon beli syer atau debentur syarikat; dan
- d. Larangan sebarang bentuk pelawaan awam untuk mendeposit wang dengan syarikat.

ii. Borang 48A (Akuan Berkanun Sebelum Dilantik Menjadi Pengarah Atau Pengasas Syarikat).

Pengarah atau pengasas membuat perisytiharan bersumpah bahawa:

- beliau tidak bankrap; dan
- beliau tidak pernah disabitkan dan dipenjarakan atas kesalahan-kesalahan yang ditetapkan.

Perakuan ini hendaklah ditandatangani di hadapan salah satu pihak berkuasa berikut:

- a. Pesuruhjaya Sumpah
- b. Presiden Mahkamah Session
- a. Majistret; atau

- b. Sesiapa yang diberi kuasa di bawah *Statutory Declaration Act 1960*

iii. Form 6 (Akuan Pematuhan)

Akuan ini menyatakan semua keperluan Akta Syarikat telah dipatuhi. Ia mesti diperakukan dan ditandatangani oleh setiausaha syarikat yang bertanggungjawab atas pendaftaran dan dinamakan di dalam Artikel syarikat.

iv. Dokumen tambahan

- a. Borang 13A asal.
- b. Salinan surat kelulusan nama syarikat dari SSM.
- c. Salinan kad pengenalan setiap pengarah dan setiausaha

3. Fi Pendaftaran

Setiap permohonan pemerbadanan mestilah disertakan dengan bayaran seperti jadual di bawah:

MODAL YANG DIBENARKAN (RM)	FI (RM)
0- 100,000	1,000
100,001 – 500,000	3,000
500,001 – 1 Million	5,000
1,000,001 – 5 Million	8,000
5,000,001 – 10 Million	10,000
10,000,001 – 25 Million	20,000
25,000,001 – 50 Million	40,000
50,000,001 – 100 Million	50,000
100,000,001 and above	70,000

Perakuan Pemerbadanan

Perakuan pemerbadanan akan dikeluarkan oleh SSM apabila dokumen yang telah diserahkan sempurna dan mematuhi prosedur yang ditetapkan:

Borang 8 – Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam

Borang 9 – Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian

Selepas diperbadankan, syarikat dinasihatkan terlebih dahulu mendapatkan lesen/permit/kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan sebelum menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam Memorandum.